

[Home](#) » KPF sedang laksanakan pelan penstruktur semula aset bernilai RM4 bilion**EKONOMI**

KPF sedang laksanakan pelan penstruktur semula aset bernilai RM4 bilion

Oleh KOSMO! 11 Julai 2024, 5:24 pm



Raja Faridah (kiri) bersama Ahmad Shabery (dua dari kiri) pada sidang akbar selepas AGM KPF di Kuala Lumpur hari ini.

PETALING JAYA – Koperasi Permodalan Felda Malaysia (KPF) sedang melaksanakan pelan penstruktur semula aset pelaburannya untuk memenuhi keperluan tunai semasa dan merancang pendapatan mampan untuk jangka masa panjang.

Pengerusi KPF, Raja Faridah Raja Ahmad berkata, pihak lembaga pengarah dan pengurusnya telah merangka pelbagai inisiatif dan strategi untuk memastikan koperasi itu kekal relevan dalam memastikan dana anggotanya dan juga peneroka Felda diletakkan dalam aset pelaburan yang dapat memberi pulangan serta kadar dividen yang lebih baik.

"Pelan tindakan ini melibatkan penstruktur semula aset pelaburan dan modal syer yang kini berjumlah RM4 bilion.

"Pelan tindakan ini juga akan memastikan aktiviti pelaburan dan perniagaan memberikan pulangan dividen yang kompetitif kepada anggota serta menyelesaikan isu pengeluaran syer anggota," katanya.

Beliau berkata demikian pada mesyuarat agung tahunan (AGM) kali ke-43 koperasi tersebut di sini hari ini.

Selain itu, Raja Faridah menerangkan, KPF komited untuk menyelesaikan tunggakkan penebusan bernilai RM200 juta.

Jelasnya, bermula 10 Julai (kelmarin), KPF telah mula membuat pembayaran sebanyak RM17 juta untuk permohonan haji, sakit kritis, tuntutan kritis, masalah kewangan dan juga khairat kematian.

Katanya, penebusan selebihnya pula akan dibayar secara berkala mengikut sistem penggiliran dan ketersediaan tunai.

Sementara itu, Penggerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, beliau akan mencari alternatif untuk menyelesaikan isu pembayaran penebusan tersebut bagi membantu KPF.

"Saya akan mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan isu penebusan tersebut selewat-lewatnya enam hingga sembilan bulan dari sekarang," ujarnya.

Sementara itu, KPF mengumumkan kadar dividen bagi tahun ini sebanyak lima peratus dengan agihan dividen dibayar secara tunai ke dalam akaun modal syer anggota dan pengeluaran dividen dibuat secara online (e-dividen). -KOSMO! ONLINE

TERKINI

- ▶ **Rakyat makin bosan pilih YB** 12 Julai 2024, 9:10 am
- ▶ **Jadi rider,influencer pun kena ilmu** 12 Julai 2024, 9:00 am
- ▶ **Euro 2024: Dari penyerang Exeter ke wira England** 12 Julai 2024, 9:00 am
- ▶ **Tiga anak ADHD, suami pula lumpuh** 12 Julai 2024, 8:33 am
- ▶ **Tupai king 'durian kayangan', RM1,000 sebiji** 12 Julai 2024, 8:31 am

Utusan Malaysia

[RUU Mufti WP perlu pertimbangan sewajarnya – Raja Perlis](#)

[Lelaki ditemu mati tergantung di buaian, tinggal nota mohon maaf](#)

[RUU Mufti WP perlu pertimbangan sewajarnya – Raja Perlis](#)

[Tukar MB Perlis hanya spekulasi, tidak benar – Muhyiddin](#)

relevan

[Mencari ikigai dalam kehidupan](#)

[Elak musibah, pupuk tabiat kewangan sihat](#)

[Tingkatkan kuasa otak untuk lebih mudah menghafal, faham apa yang dipelajari](#)

[Urus tekanan di tempat kerja dengan cara ini](#)

[Kerap berbelanja sebelum fikir panjang? Ini cara untuk menghentikannya](#)